

**KENYATAAN MEDIA PENGARAH CUKAI JUALAN NEGERI SABAH
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA
CUKAI JUALAN NEGERI BIL.1
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH**

Kementerian Kewangan Negeri Sabah akan melaksanakan Program Khas Pengakuan Sukarela Cukai Jualan Negeri Bil.1 bermula pada 15 Ogos 2023 sehingga 31 Disember 2023.

Program ini adalah untuk menggalakkan pembayar Cukai Jualan Negeri bagi dua produk CJN iaitu:

- i. Komoditi Perikanan dibawa keluar dari Sabah; dan
- ii. Besi Buruk dan Buangan yang dibawa keluar dari Sabah

agar tampil secara sukarela untuk mendaftar lesen dan mengisytiharkan cukai yang sepatutnya dibayar selaras dengan Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

Program ini turut dilaksanakan bagi memastikan hasil negeri yang sepatutnya telah dibayar kepada Kerajaan Negeri dapat dikutip semula dalam tahun 2023.

Melalui program khas ini, pembayar cukai tidak akan dikenakan tindakan penalti sekiranya pembayaran cukai selesai dikemukakan dalam tempoh program ini dilaksanakan.

Tempoh bercukai yang terlibat untuk Program Khas ini adalah mengikut tarikh kuat kuasa CJN ke atas produk tersebut iaitu:

Bil.	Produk	Tempoh Bercukai Terlibat
1	Komoditi perikanan dibawa keluar dari Sabah	1 Mei 2021 – 14 Ogos 2023
2	Besi buruk dan buangan dibawa keluar dari Sabah	1 Februari 2022 – 14 Ogos 2023

Program Khas Pengakuan Sukarela CJN menyasarkan kategori-kategori berikut:

- (i) Syarikat yang **tidak pernah berdaftar** dengan lesen CJN
- (ii) Syarikat yang **telah berdaftar lesen** CJN tetapi **belum membuat pengisytiharan** CJN bagi transaksi penjualan tertentu
- (iii) Syarikat yang **telah berdaftar lesen CJN** tetapi **tidak mengisytiharkan CJN dengan betul** bagi mana-mana tahun taksiran

Pihak syarikat adalah dibenarkan membuat bayaran CJN bagi pengisytiharan CJN yang dilakukan melalui Program Khas ini sama ada:

- Secara sekali gus (lump-sum) dalam tempoh 30 hari dari tarikh Borang 4; atau
- Tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan, secara ansuran dalam tempoh Program khas ini dilaksanakan

Namun, pembayaran ansuran adalah tidak terpakai untuk cukai semasa bagi tempoh 15 Ogos – 31 Disember 2023 di mana pihak syarikat perlu membayar cukai tersebut sebelum barang yang dikenakan cukai dibawa keluar dari Sabah.

Garis Panduan Program Khas Pengakuan Sukarela Cukai Jualan Negeri Bil.1 boleh didapati di portal rasmi Kementerian Kewangan Negeri di <https://mof.sabah.gov.my/> sebagai rujukan pembayar cukai.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Program Khas Pengakuan Sukarela Cukai Jualan Negeri ini boleh diajukan kepada Bahagian Cukai Jualan Negeri di talian 088-368038/088-368068/088-368067 atau email kepada Dknormahani.pgmohd@sabah.gov.my / Claudia.Salbishte@sabah.gov.my .

Pengarah Cukai Jualan Negeri
Tarikh : 16 Ogos 2023